NORAZLINA MOHD. KIRAM

Tangani Kesalahan Bahasa SECARA SUKARELA

BAHASA kebangsaan merupakan lambang kedaulatan sesebuah negara dan menjadi akar pembinaan jati diri bangsa. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sangat jelas menyatakan bahawa bahasa kebangsaan negara Malaysia ialah bahasa Melayu. Sebagai bahasa utama negara, status bahasa Melayu lebih tinggi berbanding dengan bahasa lain. Sehubungan dengan itu, rakyat Malaysia mestilah memartabatkan bahasa Melayu dan menggunakannya sebagai bahasa perhubungan dengan baik.

Pada hakikatnya, masih banyak yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu walaupun sudah lama menjadi warganegara dan menetap di bumi Malaysia. Hal ini selari dengan pandangan Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan bahawa bahasa Melayu belum betul-betul diangkat sebagai bahasa cerminan jati diri negara dalam majlis rasmi, mesyuarat dan pelbagai acara lain jika multilingualisme (pelbagai bahasa) menjadi keselesaan, selain membuktikan pembudayaan bahasa negara yang belum utuh. Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abang Salehuddin Abg. Shokeran, pula menjelaskan bahawa tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu rakyat Malaysia bercampur dengan bahasa Inggeris, terutamanya dalam konteks rasmi termasuk ketika memberikan ucapan dan semasa diwawancara. Penguasaan bahasa kebangsaan yang masih lemah menunjukkan bahawa bahasa Melayu berhadapan dengan pengaruh kuat bahasa asing dan jika tidak dibendung boleh menghilangkan identiti dan jati diri bangsa.

Menguasai bahasa bukan sekadar nahu, tetapi juga merangkumi dua aspek penting, iaitu mekanisme bahasa peraturan seperti sebutan, ejaan, nahu, kosa kata dan tanda baca, dan dinamika bahasa (seperti pilihan kata ganti nama, bentuk hormat, andaian yang ada di balik ungkapan-ungkapan yang diucapkan).

Malangnya, masih banyak orang yang tidak peka terhadap kedua-dua aspek tersebut dan tidak mengambil peduli terhadap kesalahan bahasa yang dilakukan, baik dalam pertuturan mahupun penulisan. Seruan untuk memartabatkan bahasa Melayu tidak diendahkan umpama, "berseru di padang pasir". Golongan ini beranggapan bahawa kesalahan bahasa merupakan perkara biasa dan remeh walaupun kesalahan ini melibatkan bahasa kebangsaan. Pemikiran sempit ini menunjukkan bahawa ada dalam kalangan rakyat Malaysia yang mindanya masih dijajah oleh bangsa asing walaupun negara telah lama merdeka. Mereka tidak sedar bahawa bahasa Melayu mendukung peranan sebagai wahana pembinaan dan pengikat kesatuan bangsa. Senario ini memberikan isyarat bahawa negara sedang berhadapan dengan krisis keyakinan rakyat terhadap status dan wibawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, selain jati diri yang semakin luntur dan terhakis. Hal ini sangat membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius kerana bahasa Melayu merupakan asas pembinaan tamadun bangsa seperti mana ungkapan, "Maju Bahasa Maju Bangsa".

Pada asasnya, kesalahan bahasa dalam kalangan

Tanpa mengira etnik, sesorang itu perlu menguasai bahasa Melayu di negara ini.

masyarakat merangkumi empat aspek, iaitu ejaan, tanda baca, kosa kata dan imbuhan. Kesalahan bahasa boleh dilihat dalam percakapan, penulisan, media massa, papan iklan dan sebagainya. Dalam hubungan ini, DBP sentiasa menjalankan pemantauan terhadap kecelaruan penggunaan bahasa Melayu dan membuat teguran kepada pihak yang berkenaan untuk memastikan martabat bahasa Melayu kekal terpelihara. Misalnya, Khidmat Pengesahan Bahasa disediakan bagi membolehkan pelanggan mendapatkan maklumat penggunaan bahasa yang betul dalam iklan.

Pada tahun 2019, kajian berkenaan dengan permohonan Khidmat Pengesahan Bahasa di DBP Cawangan Sabah telah dijalankan dan mendapati kebanyakan iklan yang dihantar masih mengutamakan bahasa kebangsaan dan mengandungi penggunaan bahasa Melayu yang betul. Permohonan untuk mendapatkan khidmat ini dari tahun 2016 hingga tahun 2018 pula semakin meningkat. Pada tahun 2016, sebanyak 657 permohonan telah diterima, manakala 957 permohonan pada tahun 2017. Jumlah permohonan meningkat pada tahun 2018 apabila menerima sebanyak 970 permohonan, iaitu 908 (93.6 peratus) diluluskan dan 62 permohonan tidak diluluskan. Permohonan yang tidak diluluskan mengandungi 96 kesalahan bahasa, iaitu morfologi (29 kesalahan), sintaksis (tiga kesalahan), percampuran kod (14 kesalahan), penggunaan bahasa asing (26 kesalahan) dan tanda baca (24 kesalahan).

Peningkatan permohonan Khidmat Pengesahan Bahasa dalam tempoh tiga tahun ini memberikan petanda positif bahawa pengiklan semakin prihatin dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan penguatkuasaan yang semakin ketat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kesalahan penggunaan bahasa Melayu dalam iklan dapat ditangani dengan jayanya jika semua pihak mempunyai aspirasi yang sama untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Kesalahan bahasa dalam media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram juga semakin berleluasa walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mendidik masyarakat supaya menghargai bahasa kebangsaan. Kita akui bahawa pengguna laman sosial mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza, namun itu bukanlah alasan untuk mereka melanggar rumus tatabahasa mengikut standard bahasa yang ditetapkan. Pendedahan terhadap bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain ketika menimba ilmu tidak seharusnya menghilangkan ciri peribadi bangsa yang diwarisi sejak sekian lama. Individu yang teguh jati dirinya akan berusaha untuk meningkatkan pengetahuan bahasanya dan mengelak daripada melakukan kesalahan bahasa.

> ***Penubuhan DBP pada tahun 1956 bertujuan untuk menjaga, memelihara dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.***

Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan pengguna yang melakukan kesalahan bahasa dengan sengaja tanpa rasa bersalah. Mereka ini termasuklah golongan berpendidikan tinggi yang terpengaruh dengan budaya penggunaan bahasa kolokial dan bahasa rojak. Pengamatan dalam laman sosial mendapati terdapat banyak kesalahan bahasa yang melibatkan kosa kata, ejaan dan ayat. Misalnya, perkataan "seketoi" (seketul), "fening" (pening), "sape" (siapa), "hbes" (habis) dan "bitamin" (vitamin) mengandungi kesalahan ejaan yang dilakukan dengan sengaja oleh pengguna bahasa.

Perbuatan tersebut sangat memalukan, "bagai terpecah peluh di muka" berikutan sikap tidak bertanggungjawab rakyat Malaysia yang merosakkan bahasa negara sendiri, selain menimbulkan kekeliruan kepada pembaca tentang penggunaan bahasa yang betul. Kita seharusnya menunjukkan teladan yang baik kepada pembaca dengan menggunakan bahasa yang betul semasa berkongsi maklumat, idea dan perasaan. Penggunaan bahasa yang betul dapat memperkukuh jati diri dan memancarkan kehalusan tutur kata dan budi pekerti rakyat Malaysia yang santun berbahasa.

Walau bagaimanapun, kita perlu bersyukur kerana masih ada individu, kumpulan, organisasi dan pejuang bahasa yang sentiasa berusaha untuk mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa yang berdaulat. Peribahasa "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung" meresapi jiwa. Mereka tahu menghargai jerih perih pejuang bahasa dan pemimpin terdahulu yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan, sekali gus mendapatkan bahasa kebangsaan untuk negara Malaysia.

Golongan ini berkongsi ilmu kebahasaan dengan masyarakat melalui pelbagai cara supaya penggunaan bahasa Melayu yang betul dapat dibudayakan. Perkongsian maklumat seperti Peka Bahasa dapat meningkatkan pengetahuan pembaca tentang penggunaan istilah bahasa Melayu yang betul. Penyebaran maklumat berkaitan dengan bahasa, terutamanya melalui media massa dapat menyebarluaskan maklumat kepada orang ramai. Usaha ini diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya meningkatkan penguasaan bahasa kebangsaan dan memelihara kedaulatan bahasa Melayu daripada anasir luar. Sikap megah dan bangga terhadap bahasa kebangsaan mestilah dizahirkan melalui tutur kata dan tingkah laku tanpa syarat.

Penubuhan DBP pada tahun 1956 bertujuan untuk menjaga, memelihara dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Selama lebih enam dekad, DBP merupakan badan bahasa utama yang menggalas pelbagai fungsi dan amanah untuk memastikan kedudukan bahasa Melayu terus utuh dan dihormati oleh rakyat Malaysia. Dalam hal ini, DBP telah diberikan kuasa autonomi untuk menggubal dasarnya yang khusus, melaksanakan perancangan bahasa, menyusun program pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera, dan menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif.

Kini, negara sedang berhadapan dengan cabaran pembudayaan bahasa

kebangsaan dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 (Semakan 1978, Pindaan dan Peluasan 1995) perlu disokong dan dipercepat untuk memberikan kuasa kepada DBP untuk mengenakan tindakan terhadap pihak yang ingkar terhadap pemakaian bahasa Melayu. Sebagai pemegang taruh, DBP bertanggungjawab untuk memelihara amanah bahasa kebangsaan dengan penuh iltizam dan dedikasi.

Bagi menangani isu kesalahan bahasa, DBP telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan pelbagai rangkaian perkhidmatan secara dalam talian. Sebagai contoh, Pusat Rujukan Persuratan Melayu@PRPM menyediakan kemudahan kepada pengguna bahasa untuk menyemak ejaan kata bahasa Melayu. Carian PRPM membantu pengguna untuk mencari maklumat daripada sumber seperti kamus, istilah, bahasa sukuan dan arkib pertanyaan bahasa. Khidmat Nasihat DBP (KNDBP) pula merupakan pelantar untuk pengguna mengemukakan kemusykilan tentang bahasa, sastera, penerbitan dan korporat kepada Pegawai Khidmat Nasihat Bahasa dan Pakar Rujuk Bahasa yang dilantik oleh DBP.

Selain itu, DBP turut menyediakan kemudahan Pantau Tegur Bahasa untuk membolehkan pengguna menyalurkan maklumat tentang perkembangan dan kesalahan penggunaan bahasa kebangsaan pada papan tanda dan papan iklan, sama ada di dalam bangunan atau di luar bangunan. Kesalahan bahasa tersebut termasuklah pengutamaan bahasa asing, sama ada dari segi saiz atau warna, penggunaan bahasa yang tidak menepati tatabahasa Melayu, termasuk sistem ejaan, pemilihan kata, pembentukan kata, pengolahan ayat, dan penggunaan laras, atau pencampuradukan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris.

Kemudahan yang disediakan ini bertujuan untuk menyediakan prasarana bagi orang awam menyalurkan maklumat mengenai kesalahan bahasa di mana-mana sahaja mereka berada, terutamanya di tempat awam. Pada masa yang sama, DBP berusaha menyampaikan mesej kepada rakyat bahawa usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan merupakan tanggungjawab bersama. Rakyat mestilah bersatu hati untuk menjaga kedaulatan bahasa Melayu dan tidak mencemarinya dengan kesalahan bahasa.

Tanpa mengira latar belakang pendidikan, setiap individu perlu peka dengan kemudahan yang disediakan oleh DBP dan memanfaatkannya untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang kebahasaan. Hal ini penting supaya kita cekap dan mahir berbahasa Melayu dalam pelbagai konteks, sekali gus dapat menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara yang sentiasa menyanjung tinggi bahasa negara sendiri. Walau bagaimanapun, masih banyak dalam kalangan masyarakat yang tidak cakna dengan kemudahan yang disediakan oleh DBP. Golongan ini memberikan pelbagai alasan untuk menutupi kelemahan mereka yang tidak fasih bertutur dalam bahasa kebangsaan.

Pada hakikatnya, mereka tidak berusaha untuk menguasai bahasa Melayu kerana tidak cintakan bahasa negara sendiri. Kemudahan bahasa yang disediakan oleh DBP tidak disambut dengan semangat nasionalisme. Pengakuan warganegara Malaysia hanyalah sekadar di bibir tetapi di hati menjunjung negara orang. Rasa cinta terhadap tanah air tidak terpateri di hati. Mereka merupakan golongan yang tidak tahu mengenang jasa pemimpin terdahulu dan buta tentang sejarah asal usul bangsa. Tiada maknanya memiliki rakyat yang tidak menjunjung prinsip Rukun Negara umpama pantun, "apa guna asam paya, kalau tidak menggulai ikan, apa guna lagak dan gaya, kalau bahasa tidak dihiraukan". Golongan ini tidak layak menjadi warganegara Malaysia kerana mereka tidak sayang dan setia kepada tanah air sendiri.

DBP perlu mengorak langkah untuk menyalurkan lebih banyak maklumat berkaitan dengan bahasa kebangsaan melalui pelbagai pelantar supaya masyarakat dididik untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Kemudahan yang disediakan ini mestilah disampaikan kepada masyarakat dengan cekap dan berkesan supaya aspirasi DBP untuk memartabatkan bahasa Melayu dapat direalisasikan sepenuhnya. Misalnya, usaha DBP untuk memuat naik pantun Melayu dalam Facebook DBP secara dalam talian dapat menarik minat pembaca untuk berdiskusi secara kritis dan kreatif.

Hal ini dapat menyemarakkan pembudayaan pantun dalam kehidupan harian dan mendidik masyarakat supaya mencipta dan menggunakan pantun dengan betul. Begitu juga, perkongsian ilmu tentang ejaan kosa kata yang betul dan penggunaan istilah yang tepat secara maya dapat memperkasakan pengetahuan linguistik masyarakat. Inilah sebahagian daripada peranan besar, jasa dan pengorbanan DBP untuk menjunjung bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Malaysia akan menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-64 pada 31 Ogos 2021. Angka ini memberikan petunjuk bahawa negara telah melewati satu tempoh perjuangan yang panjang untuk memperkukuh kedudukannya di persada dunia. Dalam konteks kebahasaan, penguasaan bahasa kebangsaan rakyat Malaysia sewajarnya berada pada tahap cemerlang, iaitu fasih bertutur dalam urusan rasmi dan tidak rasmi. Pembudayaan bahasa Melayu dalam pelbagai ranah kehidupan merupakan bukti cinta rakyat Malaysia terhadap tanah airnya. Bahasa Melayu merupakan simbol maruah diri yang perlu dipertahankan dan dijaga dengan baik sebagai satu penghormatan kepada negara. Sehubungan dengan itu, apa juga bentuk kesalahan bahasa kebangsaan hendaklah ditangani dengan segera dan sukarela umpama, 'bahu memikul hati menyokong'. Kita mahu memiliki rakyat Malaysia yang sentiasa mendaulatkan bahasa Melayu dan tidak memandang enteng terhadap kesalahan bahasa yang berlaku di sekelilingnya. Ibarat menjaga nyawa sendiri, kita mesti menjadi pejuang bahasa yang jujur untuk mempertahankan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Ungkapan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, "Negara tanpa bahasa kebangsaan ibarat jasad tanpa roh" seharusnya menusuk ke dalam jiwa dan menjadi peringatan selagi hayat dikandung badan. Jika salah berbahasa, maka bersedialah untuk menemukan ungkapan yang benar supaya kita cekat dan andal bertutur dalam bahasa kebangsaan. Sesungguhnya, slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' dicipta bukan untuk dikhianati tetapi untuk dihayati dan diamalkan oleh warganya. PB